



Che Mohamad Zulkifly (kiri) melihat ikan kerapu di FRI, Tanjung Demong, Bukit Keluang, semalam.

(Foto Nurul Fatihah Sulaini/BH)

15 pengusaha rugi RM410,000 ternakan terjejas akibat El Nino

BII 23/06/23 mis 21

Jertih: Lima belas pengusaha akuakultur di negeri ini terpaksa menanggung kerugian kira-kira RM410,000 kerana ternakan mereka terjejas dengan fenomena El Nino.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, mereka yang terbabit itu adalah pengusaha dari daerah Kuala Terengganu serta Hulu Terengganu.

Katanya, 12 pengusaha dari daerah Kuala Terengganu kerugian sebanyak RM328,000 apabila sebanyak 22 tan membabitkan 44 buah sangkar ikan tilapia, baung serta patin mati.

"Di daerah Hulu Terengganu, tiga pengusaha ikan tilapia, baung dan keli kerugian sebanyak 10 tan membabitkan tujuh sangkar dengan kerugian berjumlah RM 82,000," katanya.

Beliau berkata demikian pada perasmian Seminar Akuakultur Baik 'Back To Basics', Di Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Tanjung Demong, Bukit Keluang, di sini, semalam.

Perasmian disempurnakan Ahli Parlimen Besut, Datuk Che Mohamad Zulkifly Jusoh. Yang turut hadir Pengarah FRI Tanjung Demong, Dr Ahmad Daud Om.

Ruzaidi berkata perubahan ik-

lim antara risiko kepada pengeluaran makanan global dan ancaman utama kepada kualiti serta kuantiti pengeluaran khususnya bagi hidupan dalam air apabila suhu dunia meningkat lebih banyak penyakit timbul.

"Pembenihan dan asuhan benih ikan marin khususnya di Besut terkesan dengan penyakit ikan viral nervous necrosis (VNN).

"Virus ini akan menyerang mata dan otak sehingga ikan hilang keseimbangan, berenang secara tidak normal, kurang selera makan dan akhirnya mati.

"Penyakit ini akan menjangkiti ikan marin (ikan siakap dan kerapu terutama di peringkat benih). Pencegahan awal penyakit amat penting kepada akuakultur yang lestari," katanya.

Ruzaidi berkata penstrukturkan semula adalah perlu bermula dari peringkat pembenihan, asuhan dan pembesaran ternakan ikan siakap bagi memastikan kelangsungan ekonomi penternak di Besut.

"Sehingga kini seramai 754 penternak akuakultur berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan 30 penternak menerima sijil Amalan Akuakultur Baik (myGAP)," katanya.